

Cadangan naik tambang boleh dikaji tetapi mesti guna meter

KOTA KINABALU: Cadangan pengusaha teksi di Kota Kinabalu untuk menaikkan tambang boleh dikaji oleh Kementerian Pembangunan Usahawan menerusi Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), tetapi mereka mesti lah menggunakan meter, kata Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz.

"Kita boleh kaji permohonan mereka tetapi mereka mesti menggunakan meter. Saya harapn penumpang, pengguna pastikan pemandu teksi menggunakan meter," kata beliau selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman di sini hari ini.

Memorandum itu ditandatangani oleh kementeriannya dengan Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi pelaksanaan Skim Pembangunan Usahawan Siswazah Bumiputera Sabah.

Daily Express Selasa 18 Feb 2003 m/s 1